

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

TARIKH : 5 OGOS 2020

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyelesaian atau pampasan kepada majikan yang telah membuat segala bayaran levi dan fee bagi program Rehiring melalui MYEG tetapi telah di batal disebabkan hentian kontrak oleh Kerajaan dan adakah kes yang masih dalam proses ketika itu boleh diberi kelonggaran untuk sambungkan pas lawatan kerja berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Majikan yang telah membuat bayaran levi pekerja asing dan bayaran fi pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) namun gagal mendapatkan pelekat PLKS bolehlah menuntut semula bayaran berkenaan daripada pejabat MyEG atau Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan mengemukakan bersama-sama resit rasmi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pelanjutan atau pembukaan semula program berkenaan dibenarkan oleh Kerajaan. Pihak majikan yang gagal melengkapkan proses pemutihan dan mendapatkan pelekat PLKS hendaklah memastikan pekerja asing tersebut dihantar pulang atau akan berhadapan dengan tindakan undang-undang.